From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 568 PELAJAR BAHARU SERTAI SLOT BERSAMA SBM SEMPENA MINGGU SUAI KENAL SESI A261
Date: Thursday, 17 September, 2026 3:53:45 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Azam Arni Mohd Norr
Gambar oleh: Wan Mohamad Kamil Wan Salim

568 PELAJAR BAHARU SERTAI SLOT BERSAMA SBM SEMPENA MINGGU SUAI KENAL SESI A261



UUM ONLINE: Sintok, 17 September 2026 - Seramai 568 pelajar baharu Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai slot bersama Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) sempena Minggu Suai Kenal (MSK) Pelajar Sesi A261 yang berlangsung di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 2, UUM, hari ini.

Program yang melibatkan pelajar daripada empat program akademik di bawah SBM itu bertujuan memperkenalkan pelajar baharu kepada pusat pengajian serta memberikan pendedahan awal berkaitan kehidupan akademik dan persekitaran pembelajaran di universiti.
Dalam sesi tersebut, Dekan SBM turut berkongsi panduan berkaitan pengurusan masa dan kepentingan menyusun jadual pengajian dengan baik bagi membantu pelajar merancang perjalanan akademik mereka sepanjang tempoh pengajian di UUM.
SBM turut menzahirkan ucapan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran seluruh pelajar baharu sebagai sebahagian daripada keluarga besar pusat pengajian, di samping menyemai semangat kebersamaan dalam kalangan warga akademik dan mahasiswa.



Daripada keseluruhan jumlah pelajar yang terlibat, seramai 526 orang merupakan pelajar warganegara Malaysia, manakala 42 orang lagi terdiri daripada pelajar antarabangsa dari Bangladesh, Indonesia, Jepun, Pakistan, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat dan Uzbekistan.

Mengikut program pengajian, seramai 247 pelajar mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (BBA), diikuti 134 pelajar dalam program Ijazah Sarjana Muda Pemasaran (BMKT), 108 pelajar dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia (BHRM) dan 79 pelajar dalam program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (BENT).

Kelancaran pelaksanaan slot bersama SBM turut mendapat sokongan dan penglibatan aktif Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) SBM serta ahli jawatankuasa kelab-kelab pelajar di bawah pusat pengajian yang berperanan membantu sebagai urus setia program.



Penglibatan mahasiswa ini mencerminkan semangat kerjasama dan komitmen pelajar dalam menyokong pelaksanaan program pusat pengajian, selain memperkukuh hubungan antara mahasiswa dengan pihak pengurusan serta warga akademik SBM.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen SBM dalam menyediakan pengalaman awal yang bermakna kepada pelajar baharu, sekali gus menyokong usaha membentuk mahasiswa yang bersedia menghadapi cabaran pengajian tinggi.

Selamat datang ke SBM dan selamat menempuh perjalanan akademik di UUM!

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.